

PM terima kunjungan hormat Setiausaha Negara AS

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, menerima kunjungan hormat Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) Antony J Blinken di pejabatnya di bangunan Parlimen di sini, petang semalam.

Ismail Sabri dan Blinken me-

ngadakan pertemuan selama kira-kira setengah jam bermula 2.30 petang.

Yang turut hadir Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah.

Blinken tiba di Malaysia malam kelmarin untuk memulakan lawatan kerja dua hari ke ne-

gara ini dan Kuala Lumpur adalah persinggahan keduanya sempena lawatannya ke tiga negara Asia Tenggara.

AS mula menjalin hubungan diplomatik dengan Malaysia pada 1957. Washington dan Kuala Lumpur kemudian meningkatkan hubungan dua hala ke-

pada Perkongsian Komprehensif pada April 2014.

Antara Setiausaha Negara AS yang pernah melawat Malaysia ialah Mike Pompeo pada Ogos 2018, Rex Tillerson (2017), Hillary Rodham Clinton (2010) dan Condoleezza Rice (2006).

BERNAMA

BH - 16/12/2021

m/s: 3